

HARI : JUMAAT
TARIKH : 20/9/2019
M/SURAT : 31

KPDNHEP Selangor rampas 4,632 tong LPG

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor merampas sebanyak 4,632 tong gas petroleum cecair (LPG) seberat 12 kilogram (kg), 14kg dan 50kg serta barang lain berjumlah RM58,688.20 dalam serbuan di sebuah rumah kedai di Kuala Lumpur kelmarin.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, pihaknya menyita barang yang dirampas dalam serbuan itu.

"Tindakan tersebut diambil di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Barang Kawalan 1974," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, seramai tiga individu turut ditahan dalam serbuan tersebut.

"Dua lelaki yang mengaku pekerja dan seorang lelaki yang mengaku sebagai pemilik premis telah ditahan untuk membantu siasatan," katanya.